

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN  
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 10 JULAI 2019**

**SOALAN : 102**

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat keperluan untuk menetapkan had gaji atau pampasan yang diterima oleh pengarah-pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memastikan pengagihan kekayaan syarikat yang lebih adil antara pekerja dan pengurus atasan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Secara amnya, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) menetapkan gaji dan saraan yang kompetitif kepada para pekerja masing-masing berbanding sektor swasta. Selain itu, GLC juga mendahului syarikat-syarikat swasta dalam pelaksanaan had minimum persaraan dan penetapan gaji minimum dalam kalangan tenaga kerjanya.

Selain itu, bagi pelantikan pengurusan kanan pula, GLC menyediakan pakej saraan yang sepadan dengan tanggungjawab serta kepakaran yang dimiliki oleh kakitangan berkenaan, tanpa menjejaskan kebajikan kakitangan lain dalam syarikat tersebut.

Sehubungan itu, keutamaan diberikan oleh GLC untuk mengimbangi keperluan untuk menyediakan pakej saraan yang berpatutan dan kompetitif untuk semua kakitangannya. Seterusnya semua kakitangan GLC akan turut diberi ganjaran yang adil dan setimpal berdasarkan prestasi kerja masing-masing.

Tambahan pula, selain daripada gaji dan saraan, kakitangan GLC turut menerima pelbagai manfaat bukan-kewangan yang secara tidak langsung menyumbang kepada pemerksaan dan pembangunan kakitangan, khususnya kakitangan peringkat bawahan dan pertengahan untuk mereka terus memperbaiki diri dan terus naik dalam syarikat masing-masing.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh GLC termasuk menyediakan pelbagai program latihan dan pembangunan, pendedahan menerusi tugas, dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.